

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 17 JULY 2016    |

# PKR ambil langkah tunggu, lihat

Um - 17/7/2016

**BUKIT MERTAJAM 16 Julai** - PKR mengambil langkah tunggu dan lihat sebelum membuat keputusan untuk menyertai pakatan pembangkang baharu yang akan diterajui bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (*gambar*) berkata, pihaknya akan menunggu Tan Sri Muhyiddin Yassin membuat keputusan kerana bekas Timbalan Perdana Menteri itu telah dicadangkan untuk menerajui parti baharu berkenaan.

"Beliau baru cadangkan dan belum buat lagi kan. Semua orang ada hak untuk buat parti baharu dan kita alu-alukan sesiapa sahaja

yang berhasrat melawan Barisan Nasional (BN).

"Apa pun kita tunggu Muhyiddin buat keputusan kerana namanya dicadangkan untuk jadi Presiden dan kita hanya bekerjasama dengan mereka yang ada persamaan perjuangan antara semua," katanya yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh kepada pemberita pada majlis rumah terbukanya di Guar Perahu, di sini hari ini.

Kelmarin, Dr. Mahathir mengumumkan satu pakatan pembangkang yang melibatkan PKR, DAP dan Amanah akan ditubuhkan untuk menentang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang.

Sementara itu, DAP pula akan menunggu kenyataan rasmi yang

akan dikeluarkan bersama rakan sekutunya dalam pakatan pembangkang berhubung penubuhan pakatan pembangkang baharu itu.

Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya, Lim Guan Eng berkata, kenyataan rasmi terbabit akan dikeluarkan pakatan pembangkang sedia ada yang membabitkan parti itu, PKR dan PAN.

"Kita tunggu sahaja sehingga kenyataan rasmi itu dikeluarkan nanti memandangkan saya sendiri baru sahaja pulang dari luar negara.

"Jadi adalah lebih baik saya mengambil tahu berkenaan perkembangan semasa yang berlaku di dalam negara terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Pembukaan Pusat Sains Dome Pulau Pinang di sini.

